

PM yakin Terengganu termaju di Pantai Timur

UM - 21/4/2006

K. TERENGGANU 20 April – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya Terengganu akan muncul sebagai sebuah negeri termaju di Pantai Timur apabila beberapa projek yang dirancang menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) siap.

Beliau berkata, negeri itu kini menjalani proses pembangunan yang pesat dan sekali gus mampu mengubah negeri yang selama ini ketinggalan.

“Terengganu akan menjadi negeri termaju ekoran langkah kerajaan bersetuju mewujudkan pembangunan wilayah agar kedudukan negeri-negeri yang masih tertinggal setanding dengan negeri di Pantai Barat.

“Projek pembangunan wilayah akan merencanakan pembangunan di negeri-negeri berkenaan dan mengimbangi pembangunan dengan negeri lain,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2006 di Hotel Primula Beach Resort di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan melaksanakan projek tersebut kerana tidak mahu melihat negeri di Pantai Timur terus terbiar tanpa mendapat pembelaan sewajarnya.

Katanya, sudah tiba masanya negeri-negeri di Pantai Timur dibangunkan.

“Negeri-negeri ini didiami oleh ramai orang Melayu dan sudah sampai masanya mereka diberi perhatian agar kehidupan mereka terus setanding dengan rakyat negeri lain,” tegas beliau.



ABDULLAH Ahmad Badawi menerima naskah *KOSMO!* edisi Terengganu daripada Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd di gerai Utusan sempena Minggu Saham Amanah Malaysia di Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu, semalam. Turut memerhatikan Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Hamad Kama Piah Che Othman.

Sementara itu, Perdana Menteri menghabiskan masa lebih sejam meninjau gerai-gerai pameran sempena MSAM termasuk gerai Kumpulan Utusan sebelum berlepas pulang ke ibu negara kira-kira pukul 2 petang.

Projek pembangunan wilayah akan merencanakan pembangunan di negeri-negeri berkenaan dan mengimbangi pembangunan dengan negeri lain

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri